



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 OKTOBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	KPKM JAMIN MAKANAN CUKUP JIKA BERLAKU BENCANA, PERANG, DALAM NEGERI, UM -5 KPKM BERI JAMINAN BEKALAN BERAS CUKUP HINGGA LIMA BULAN, NEGARA, KOSMO -5 BEKALAN BERAS NEGARA MASIH MENCUKUPI, DEWAN RAKYAT, HM -16 CUBA SELUDUP 900kg BERAS SIAM GUNA PERODUA MyVI, NASIONAL, SH -15 KERAJAAN TEROKA POTENSI JELAPANG PADI DI SABAH, SARAWAK, BERNAMA -ONLINE GOVT LOOKS EAST FOR NEW 'RICE BOWL', MUKA DEPAN, THE SUN -1 GOVT EYEING POTENTIAL RICE BOWL AREAS IN SABAH, S'WAK, NATIONAL, THE SUN -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8. 9.	DOF ADAKAN PROMOSI MAKAN KERANG-KERANGAN DI MELAKA, HAKAH DAILY -ONLINE TIDAK PERLU BIMBANG LAGI MAKAN KUPANG PORT DICKSON, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	PADI LIMA KALI DUA TAHUN GAGAL JIKA MASALAH PETANI BERTERUSAN, DALAM NEGERI, UM -34	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12.	PENGUNAAN JENTERA PERTANIAN ELEKTRIK MASIH DIKAJI, DALAM NEGERI, UM -34 'GOVT STUDYING USE OF ELECTRIC PADI MACHINERY TO BOOST HARVEST', NST -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13.	PIC NAK RUJUK PAKAR, LOKAL, HM -20	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
14.	AGROBANK SALUR SUMBANGAN LEBIH RM1 JUTA KEPADA PROGRAM PENINGKATAN HISUP ASNAF, SUARA MERDEKA -ONLINE	AGROBANK
15. 16. 17.	PESAWAH TERTEKAN, MOHON NAIKKAN HARGA SILING PADI, DALAM NEGERI, UM -32 NELAYAN HARAP KERJASAMA KAWAL HARGA PERALATAN, PENGARUHI HARGA PASARAN IKAN, DALAM NEGERI, UM -32 BEREVOLUSI DUNIA TANI, WANITA METRO, HM -36 & 37	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

KPKM jamin makanan cukup jika berlaku bencana, perang

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan sekuriti makanan cukup jika berlaku sebarang kecemasan dan bencana termasuk peperangan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, KPKM komited dalam memastikan bekalan sumber makanan terjamin dan simpanan cukup kekal stabil.

“Sehingga Oktober 2024, jumlah keseluruhan stok beras 1.1 juta metrik mencukupi untuk 5.6 bulan.

“Selain itu, KPKM giat melak-

sanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan ketersediaan dan kecukupan makanan khusus untuk komuniti terpilih.

“Industri tenusu berada di tahap yang amat lega iaitu berada di pada tahap 60 peratus. Jika berlaku sebarang kecemasan ia tidak begitu sukar untuk memenuhi kehendak pengguna.

“Insya-Allah kita memberi jaminan apabila berlaku kecekemasan, makanan akan sentiasa ada kerana hubungan dengan negara-negara pembekal sentiasa baik dan memenuhi kehendak

apabila kita memerlukan,” katanya semasa sesi pertanyaan-pertanyaan lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Faithul Huzir Ayob (PN-Gerik) yang menyatakan rancangan segera Kementerian dalam memastikan bekalan sumber makanan negara terjamin dan mempunyai simpanan yang cukup jika berlaku bencana atau peperangan mengambil kira faktor ketegangan di Laut China Selatan dan keadaan iklim dunia yang tidak menentu.

KPKM beri jaminan bekalan beras cukup hingga lima bulan

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan stok bekalan dan penyimpanan beras negara masih mencukupi untuk tempoh lebih lima bulan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, KPKM giat melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk rancangan jangka pendek dan panjang untuk memastikan bekalan beras mencukupi.

Menurutnya, jumlah bekalan beras termasuk stok simpanan (stockpile) sehingga Oktober adalah sebanyak 1.1 juta tan metrik yang dijangka mencukupi untuk lima hingga enam bulan.

"Bagi bekalan beras, negara sumber yang dikenal pasti ialah Thailand, Vietnam, India, Pakistan dan Myanmar.

"Setakat ini, jika berlaku kecekapan, kita jamin makanan ada kerana hubungan kita dengan negara-negara pembekal sentiasa baik, dan mereka juga sentiasa

memenuhi kehendak kita apabila diperlukan," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pertanyaan Fathul Huzir Ayob (**PN-Gerik**) berhubung jaminan bekalan beras negara.

Mengulas soalan tambahan Fathul Huzir berhubung tanaman alternatif atau ganti, Mohamad berkata, pihaknya akan menumpukan usaha kepada pengeluaran beras berikutan ia merupakan makanan ruji rakyat Malaysia.

Jelasnya, Serawak kini menawarkan untuk menjadi jelapang padi kedua dengan peruntukan RM500 juta daripada kerajaan negeri.

"Walaupun rakyat sudah makan roti canai dua biji atau mi goreng sepinggan, mereka tetap mahukan nasi. Sebab itulah kita perlu memberi tumpuan kepada usaha ini," ujarnya.



JUMLAH bekalan beras termasuk stok simpanan sehingga Oktober adalah sebanyak 1.1 juta tan metrik. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	16

Bekalan beras negara masih mencukupi

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bahawa stok bekalan dan penyimpanan beras negara masih mencukupi untuk tempoh lebih lima bulan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, KPKM giat melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk rancangan jangka pendek dan panjang untuk memastikan makanan khususnya komoditi terpilih seperti beras mencukupi. Menurutnya, langkah itu termasuk meneruskan kerjasama dengan negara pengeluar lain termasuk ketika berlaku kecemasan.

“Sehingga Oktober 2024, jumlah keseluruhan stok beras termasuk *stock pile* ialah 1.1 juta tan metrik mencukupi untuk

5.6 bulan.

“Bagi memenuhi keperluan bekalan beras, negara sumber dikenal-pasti ialah Thailand, Vietnam, Pakistan dan Myanmar.

“Selain itu, KPKM melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan keterseediaan dan kecukupan makanan khususnya komoditi terpilih. Antaranya kita cuba pergi kepada *Smart Farming* dalam padi, tetapi perkembangan-pelannya perlahan kerana petani nanam padi masih secara tradisi, hendak menggunakan hak milik (tanah) mereka dan lambat untuk mencantumkan dan membuat skala besar,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan **Fathul Huzir Ayob (PN-Gerik)** mengenai rancangan segera kementerian



Bagi memenuhi keperluan bekalan beras, negara sumber dikenal-pasti ialah Thailand, Vietnam, Pakistan dan Myanmar”

Mohamad

an dalam memastikan bekalan sumber makanan negara terjamin.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, KPKM juga melaksanakan rancangan segera untuk meningkatkan makanan yang berada pada Kadar Sara Diri (SSR) rendah.

“SSR lebih rendah antara rancangan segera dilaksanakan dengan mempelba-

gai sumber import bagi kurangkan kebergantungan kepada negara tertentu saja.

“Sebagai contoh, negara sumber bagi bekalan datang diperluaskan kepada sembilan negara iaitu India, Australia, Brazil, New Zealand, Pakistan, Jepun, Korea, Argentina dan Afrika Selatan,” katanya.

Katanya, insentif baharu juga perlu diperkenalkan bagi meningkatkan SSR ruminan.

“Memperkasakan industri lembu pedaging ruminan ini mengambil masa kerana masalah ini berpanjangan begitu lama.

“Keluaran ruminan kita masih di bawah 20 peratus sejak merdeka hingga sekarang, oleh itu hendak naikkan segera (maka) satu insentif baharu mesti diperkenalkan,” katanya.

Cuba seludup 900kg beras Siam guna Perodua Myvi

Lelaki ditahan di pangkalan haram Budin, Tumpat

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Taktik penyeludup menyumbat 900 kilogram (kg) beras dari Thailand dalam sebuah Perodua Myvi gagal apabila berjaya dihidu oleh Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu di pangkalan haram Budin, Tumpat pada Ahad.

Rampasan dilakukan pada jam 7.05 pagi menerusi Op Taring Wawasan selepas anggota PGA mengesan sebuah kereta yang dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan.


Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, semasa ditahan suspek melarikan diri dengan meninggalkan kereta tersebut di tepi jalan.

Hasil pemeriksaan menemui 900kg beras dipercayai diseludup dari negara jiran tanpa dokumen sah.

"Anggaran nilai rampasan beras ini ialah RM3,700 dan kenderaan RM15,000," katanya pada Isnin.

Menurut beliau, kes disiasat bawah Seksyen 20 Akta Kawal Sella Padi dan Beras 1994 dan rampasan diserahkan kepada Kompeni Taktikal (Komtak) Pangkalan Kubor untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Nik Ros Azhan mem-



Seorang lelaki yang menyumbat 900kg beras diseludup dari Thailand dalam Perodua Myvi ditahan di pangkalan haram Budin, Tumpat pada Ahad.

beritahu, pada jam 9 pagi, hari yang sama Batalion 8 PGA Pangkalan Chepa merampas 500kg beras dipercayai diseludup dari Thailand di pangkalan haram Jeram Perdah 2, Rantau Panjang.

Katanya, semasa melakukan penugasan Op Taring Wawasan, anggota penguat kuasa menahan sebuah kereta jenis Proton Wira yang dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata, semasa ditahan suspek bertindak melarikan diri dan meninggalkan keretanya di tepi jalan.

"Hasil pemeriksaan ke atas kereta ini, pihak kami telah menjumpai 500kg beras tanpa dokumen yang sah.

"Anggaran nilai rampasan beras terbabit ialah RM2,000 manakala kenderaan

RM9,000," katanya.

Kes disiasat bawah Seksyen 20 Akta Kawal Sella Padi dan Beras 1994 barangan rampasan diserahkan ke Komtak Jeram Perdah untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu dalam kes berasingan, Batalion 7 PGA Kuantan menyerbu sebuah rumah di Kampung Terusan, Rantau Panjang pada Ahad yang dijadikan sebagai transit sebelum minyak petrol di-seleweng ke negara jiran.

Dalam serbuan jam 2.45 pagi itu, PGA menahan seorang lelaki berusia 23 tahun yang dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup bahan bakar tersebut ke negara jiran.

Nik Ros Azhan berkata, hasil pemeriksaan terhadap rumah terbabit telah menemui 660 liter minyak petrol yang disimpan di dalam sebuah stor.



AM > BERITA

Kerajaan Teroka Potensi Jelapang Padi Di Sabah, Sarawak

🕒 21/10/2024 01:22 PM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan merangkap Ahli Parlimen Kota Raja Datuk Seri Mohamad Sabu pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang meneroka kawasan-kawasan berpotensi di Sabah dan Sarawak untuk dibangunkan sebagai jelapang padi negara, sekali gus meningkatkan pengeluaran beras negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata bahawa langkah ini penting kerana permintaan beras semakin meningkat dan pengeluaran di jelapang padi di Semenanjung tidak mencukupi.

"Permintaan terhadap makanan ruji negara seperti beras adalah tinggi, dan apabila berlakunya ketidakcukupan, ia menjadi isu serius kerana majoriti penduduk Malaysia, termasuk pekerja asing yang berjumlah antara dua hingga tiga juta orang, juga bergantung kepada nasi sebagai makanan utama," katanya.





Mohamad Sabu berkata usaha untuk mencukupkan bekalan beras negara perlu dipertingkatkan kerana makanan alternatif seperti jagung tidak dapat memenuhi keperluan rakyat. Justeru, penjelajahan kawasan berpotensi di Sarawak dan Sabah menjadi keutamaan, terutama dalam Rancangan Malaysia yang akan datang, bagi memastikan bekalan beras mencukupi.

"Walaupun rakyat sudah makan roti canai dua biji atau mi goreng sepinggan, mereka tetap mahukan nasi. Sebab itulah kita perlu memberi tumpuan kepada usaha ini," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan Fathul Huzir Ayob (PN-Gerik), Mohamad Sabu menjelaskan bahawa kementerian sedang mempertimbangkan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan kepada beras sebagai sumber utama karbohidrat negara. Antara perancangan yang dipertimbangkan ialah memperkenalkan tanaman alternatif seperti ubi yang boleh dijadikan sumber utama karbohidrat.



Beliau menegaskan bahawa usaha ini adalah penting untuk mempelbagaikan sumber makanan dan mengurangkan risiko ketidakcukupan bekalan beras di masa hadapan.

Mohamad menjelaskan bahawa Sarawak telah menawarkan untuk membangunkan jelapang padi negara dengan peruntukan RM500 juta daripada kerajaan negeri. Selain itu, Sarawak berharap mendapatkan tambahan RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan kawasan tanaman padi seluas 5,000 hektar di negeri tersebut.

Menjawab soalan asal Fathul Huzir mengenai jaminan bekalan makanan negara, beliau memberi jaminan bahawa bekalan beras masih mencukupi dalam pasaran untuk memenuhi keperluan rakyat.


Menurut beliau, sehingga Oktober, jumlah keseluruhan stok beras termasuk stok simpanan (stockpile) adalah sebanyak 1.1 juta tan metrik yang dijangka mencukupi untuk lima hingga enam bulan.

"Bagi bekalan beras, negara sumber yang dikenal pasti ialah Thailand, Vietnam, India, Pakistan dan Myanmar.

"Setakat ini, jika berlaku kecemasan, kita jamin Insya-Allah

sentiasa baik, dan mereka sentiasa memenuhi kehendak kita apabila diperlukan," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sah dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),
[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

beras jelapang padi sabah sarawak makanan ruji
pengeluaran

BERITA BERKAITAN



Hari Pertama Perbahasan Belanjawan 2025, Ahli Parlimen Bangkitkan Pelbagai Isu

🕒 10jam lalu



Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah Rekod Lebih 480,000 Pengunjung

🕒 14jam lalu



Amaran Hujan Berterusan Di Sabah, Labuan Selama Tiga Hari Bermula Rabu

🕒 18jam lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	THE SUN	MUKA DEPAN	1

Govt looks east for new 'rice bowl'

Move crucial due to increasing demand for staple item, as current reliance on production from peninsula alone insufficient, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Report
on
page 2

Govt eyeing potential rice bowl areas in Sabah, S'wak

➤ Initiative crucial due to increasing demand for staple as current padi production in peninsula insufficient: Minister

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry is exploring potential areas in Sabah and Sarawak to be developed as national *jelapang padi* (rice bowl area), in aiming to boost the country's rice production, said its minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the initiative is crucial due to the increasing demand for the staple, as the current rice production from rice bowl areas in the peninsula is insufficient.

"The country's staple food remains rice, which is why any supply shortages generate significant concern. This is a serious matter because in Malaysia, rice is essential not only for locals but also for the two to three million foreign workers who depend on it.

"Therefore, we are focusing our efforts to ensure sufficient rice production. Alternative foods like corn do not fulfil the needs of our population. We must explore options in Sarawak and Sabah and align our strategies with the upcoming Malaysia Plan. Even after locals consume bread or a plate of fried noodles, they still want rice."

He said this in the Dewan Rakyat yesterday in response to a supplementary question from Fathul Huzir Ayob (PN-Gerik), who inquired about the ministry's plans to promote substitute crops for rice, such as yam, which could serve as the primary source of carbohydrates and reduce dependence on rice.

Mohamad said Sarawak has offered to

develop a national rice bowl area.

Sarawak had previously expressed its readiness to allocate RM500 million and expected an additional RM500 million from the federal government to develop *padi* fields covering an estimated 5,000ha.

In response to Fathul Huzir's original question about national food supply guarantee, Mohamad gave an assurance that there is currently sufficient rice supply in the market to meet demand.

He said as of this month, total rice stocks, including reserves, stand at 1.1 million metric tonnes, projected to last for five to six months, Bernama reported.

"For our rice supply, we have identified source countries such as Thailand, Vietnam, India, Pakistan and Myanmar.

"In case of an emergency, *Insha-Allah*, we will have enough food, as our relationship with these supplier countries remains strong, and they consistently meet our needs when required."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

DOF adakan promosi makan kerang-kerangan di Melaka



Tuan Guru Zulkifli Ismail

KUALA LUMPUR: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melalui Pejabat Perikanan Negeri Melaka telah mengadakan promosi makan kerang-kerangan di Melaka menerusi Program Rasa-Rasa Akuakultur di Pasar Tani Merlimau pada 30 September 2024.

Menurut Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, promosi sebegitu dapat mengembalikan keyakinan pengguna untuk membeli dan makan kerang-kerangan dan seterusnya meningkatkan pengeluaran dan penjualan kerang-kerangan di Negeri Melaka.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan pengusaha kupang di Sebatu, Jasin yang mengalami kerugian akibat tidak dapat menjual kupang yang diusahakan.

“Kerugian ini adalah disebabkan oleh kandungan toksin yang tinggi di dalam kupang dalam tempoh April sehingga Ogos 2024 yang telah disahkan oleh Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung, Pulau Pinang yang mana boleh memudaratkan pengguna sekiranya memakan kupang tersebut,” ujarinya dalam jawapan bertulis kepada soalan Tuan Guru Zulkifli Ismail [PN-Jasin] di Dewan Rakyat, hari ini.

Tuan Guru Zulkifli dalam soalnya meminta Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan menyatakan status bantuan atau pampasan yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri KPKM kepada pengusaha kupang di Sebatu Jasin yang mendakwa kerugian hampir RM2 juta akibat tidak dapat menjual kupang yang diusahakan.

Menteri itu menambah, bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh pengusaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil inisiatif untuk membantu pengusaha ini melalui Tabung Bencana Pertanian (TBP) melibatkan peruntukan sebanyak RM220,759 kepada 107 orang pengusaha kupang dan kerang-kerangan yang terkesan di negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

Katanya, seramai 20 pengusaha kupang di Sebatu, Jasin telah menerima bantuan dengan nilai RM69,918.50 di bawah TBP.

Selain itu, ujarinya KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga telah meluluskan bantuan berjumlah RM7,500 di bawah Program Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan (TBBAKN) kepada 15 orang penternak yang terjejas yang juga merupakan ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Jasin.

“Berdasarkan pemantauan rapi DOF dan analisis makmal yang konsisten, keputusan terkini Laporan Toksin Kerang di Jasin pada 27 September 2024 menunjuk bacaan biotoksin adalah sebanyak 13.97 ppb iaitu di paras yang selamat dan aktiviti perikanan di kawasan tersebut boleh diteruskan seperti biasa,” katanya. – [HARAKHDAILY 21/10/2024](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



PENTERNAK kupang, Mohd. Hairul Mohd. Rashid mengeluarkan hasil ternakan kupangnya ketika ditemui di Kampung Telok, Pasir Panjang, Port Dickson baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Tidak perluimbang lagi makan kupang Port Dickson

PORT DICKSON: Penerimaan orang ramai terhadap pengeluaran kerang-kerang termasuk kupang dari kawasan Pasir Panjang, Port Dickson kembali seperti biasa tanpa ada lagi rasa bimbang susulan kejadian kupang dari kawasan itu yang dicemari biotoksin berbahaya pada bulan April lalu.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, penjualan kupang di pasaran juga kembali normal dan harga yang dijual juga sama seperti sebelum kejadian pencemaran biotoksin tersebut.

“Kami juga ada lakukan promosi ‘Jom Makan Kupang Port Dickson’ baru-baru ini dan hasil maklumat daripada orang ramai, mereka tidak lagi khuatir untuk

makan kupang termasuk kerang. “Kami juga tidak menerima sebarang maklumat jika ada yang memboikot kupang dari Port Dickson dan kami tidak menerima maklumat jika ada penternak kupang yang masih lagi terjejas,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Sebelum ini akhbar ini melaporkan penternak-penternak di Pasir Panjang meminta kerajaan menerusi agensi berkaitan membantu mempromosikan semula kerang-kerang khususnya kupang di daerah ini.

Menurut mereka, agensi berkaitan dapat menguar-uarkan semula kupang dan kerang di sini sudah selamat dimakan, kerana orang ramai masih bimbang untuk membeli kupang.

Pada 10 Ogos lalu Jabatan Perikanan Malaysia menarik balik larangan terhadap penjualan dan penjualan kerang-kerang termasuk kupang di perairan Negeri Sembilan dan Melaka sebelum itu dikuatkuasakan.

Keputusan itu dibuat berkuatkuasa biotoksin terhadap sampel menunjukkan penurunan ke paras selamat iaitu di bawah 400 per bilion (ppb)

Pada 4 April lalu, Jabatan Perikanan Malaysia mengesahkan kupang di Port Dickson telah dicemari oleh biotoksin berbahaya dan tidak selamat dimakan selepas analisis yang dijalankan mendapati terdapat tiga alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia*.

22/10/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Padi lima kali dua tahun gagal jika masalah petani berterusan

Oleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@medianulla.com.my

ALORSETAR: Petani di negeri ini menyambut baik projek penanaman padi lima kali dua tahun yang diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2025, Jumaat lepas kerana disifatkan mampu meningkatkan pendapatan mereka.

Bagaimanapun, kebanyakan petani yang ditemui berpendirian, usaha itu berkemungkinan gagal sekiranya pelbagai masalah yang menghimpit mereka selama ini tidak diselesaikan sebelum projek itu bermula.

Saleh Ali, 61, berkata, bekalan baja dan benih padi yang sering berlaku kelewatan masih menghantui mereka hingga menjejaskan jadual penanaman.

"Para petani bersedia sekiranya semua agensi terlibat menyediakan semua keperluan penanaman padi. Perkara yang menjadi isu sekarang adalah penjadualan penanaman yang sukar dipatuhi oleh petani kerana pelbagai kekangan seperti baja, benih padi dan racun.

"Selalunya berlaku ke-



**Masalahnya kos
pengeluaran padi
masih tinggi, harga
lantai pula rendah."**

PETANI

watan. Dua kali setahun pun banyak masalah, macam mana nak buat lima kali dua tahun? Itu belum masuk pelepasan air dan masalah pengairan serta infrastruktur," katanya ketika dihubungi di sini.

Akhbar melaporkan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi Projek Penanaman Padi Lima Musim Dua Tahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan fasa satu merangkumi keluasan hampir 11,000 hektar.

Saleh menambah, penanaman padi lima kali dua tahun itu juga dikhawatiri tidak berbaloi kepada mereka sekiranya kerajaan belum bersedia untuk menetapkan harga lantai padi

yang lebih tinggi berbanding RM1,300 satu tan sekarang.

"Masalah infrastruktur mungkin akan diselesaikan oleh agensi terlibat melalui peruntukan RM1 bilion itu tetapi masalahnya kos pengeluaran padi masih tinggi, harga lantai pula rendah. Sekejap sahaja pengilang naikkan ke RM1,800 tetapi selepas itu turun balik ke pada RM1,350.

"Daripada analisis kos kami, ia memang tak berbaloi ditambah dengan kenaikan diesel dan sewa jentera mengerjakan sawah. Sehektar sekarang sudah mencecah RM1,500, petani pun sudah bosan. Nak tambah lagi sekali tanaman, kos pun, naik juga," katanya.

Sementara itu, menurut Mohd. Noor Hasan, 65, infrastruktur di kawasan pertanian perlu dinaik taraf bagi menyelesaikan masalah saliran dan pengairan yang sering menghantui mereka.

"Dua kali pun kita kena buat lebih dari setahun, macam mana nak buat lima kali dua tahun? Jadual penanaman sekurang menjadi semakin panjang, lihat ketika ini sudah Oktober

dan sudah masuk musim menabur padi tapi satu kerja apa pun tidak boleh buat.

"Air tidak ada sebab masalah pengairan, macam mana nak buat lima kali? Kalau boleh selesaikan masalah infrastruktur, ini mungkin boleh buat. Tanah bendang di Kedah bukan macam di Selangor atau Perak yang canggih infrastrukturnya," katanya.

Bagi Suib Bujang, 60, penanaman padi lima kali dua tahun hanya mendedahkan kepada 'kehausan' tanah di kawasan sawah terutama di Kedah.

"Bagi saya tanah pun perlu 'berehat' apatah lagi tanah yang sudah 'tua' seperti di Kedah ini yang sudah berpuluh-puluh tahun dipaksa 'bekerja'. Risiko pada masa akan datang mungkin akan berlaku tanah jertus yang lagi menyukarkan petani mengerjakan sawah mereka.

"Kecuali ada cara lain untuk kembali menyuburkan tanah sawah. Bagi saya dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan petani, keutamaan perlu diberikan kepada menaikkan harga lantai atau mengawal kos pengeluaran yang naik," ujarnya.

**Penggunaan
jentera
pertanian
elektrik
masih dikaji**

KUBANG PASU: Kajian penggunaan jentera elektrik dalam bidang pertanian bagi meningkatkan hasil padi masih berjalan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar berkata, penggunaan jentera tidak menggunakan diesel tidak dapat dielakkan kerana dunia kini menuju ke arah teknologi itu.

Bagaimanapun, ujarnya, kajian dijangka mengambil masa sehingga dua tahun sebelum pelaksanaannya dapat dilakukan secara menyeluruh.

"Kajian mendalam sedang dilakukan bagi memastikan harga jentera tidak membebankan pesawah selain melihat keupayaannya dalam pengendalian ladang," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	NST	ONLINE	

'Govt studying use of electric padi machinery to boost harvest'



Farmers' Organisation Authority (LPP) chairman Datuk Mahfuz Omar said that the government is exploring the use of electric padi tractors to boost the nation's padi yields. — AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR

Pix by Ahmad Mukhsein Mukhtar

KUBANG PASU: The government is exploring the use of electric padi tractors to boost the nation's padi yields.

Farmers' Organisation Authority (LPP) chairman Datuk Mahfuz Omar said the initiative was still under research and testing, with implementation expected in two years.

"The transition to electric agricultural machinery that doesn't rely on diesel is inevitable as the world moves towards such technology," he said at a press conference after handing over padi farming machinery to farmers in Kampung Asun today.

He said electric tractors were introduced at the recent Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition 2024 in collaboration with Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Perlis and a Thai company.

He said a detailed study was ongoing to ensure the machinery was affordable for farmers.

"We are encouraging the use of electric farming machinery for the future. The transition from diesel to electric will take time."

He stressed the importance of adopting new technology as the country would expand the padi planting cycle to five times in two years.

"In that period, we will witness the introduction of new technology. When the time comes, we will assess which machinery is best.

"LPP is also upgrading and extending the lifespan of old machinery to reduce government spending on new purchases."

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PIC) akan merujuk pakar bagi mengenal pasti punca selut dan air berkeladak di Pantai Esen, Permatang Damar Laut di sini.

La susulan laporan akhir mengenai pantai 'per mata tersembunyi' negeri ini dicemari masalah lumpur selut dan berkeladak sejak lebih dua bulan lalu dipercayai berpunca daripada kerja projek Pulau Silicon.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Seri Farizan Darus berkata, tindakan susulan diambil berdasarkan pandangan dan cadangan pakar berkenaan bagi mengatasi masalah itu.

"PIC yang juga Syarikat Tujuan Khas ditubuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantau perkembangan projek pulau buatan itu, kekal komited dalam memastikan semua kerja penambakan dijalankan mengikut garis panduan ketat demi kesejahteraan alam sekitar dan komuniti setempat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin Harian Metro melaporkan mengenai keadaan terkini Pantai Esen yang bertukar warna kehitaman dan berbau busuk.



KEADAAN pantai Permatang Damar Laut yang berhampiran Pantai Esen, Georgetown turut berlumpur. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

SUSULAN PANTAI ESEN BERKELADAK

PIC nak rujuk pakar

La turut memberi kesan kepada pengusaha sukan air selain pengunjung juga tidak dapat mandi mandak berikutan keadaan itu.

Mengulas lanjut, Farizan berkata, PIC bersama pegawai Silicon Island Development Sdn Bhd (SIDSB) turut sama dalam pelbagai sesi libat urus yang dijalankan agensi seperti Lem-

baga Kemajuan Ikan Malaysia (LIKIM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang termasuk Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan (PNKPPS) sejak 8 Ogos lalu.

Hasil siasatan pada bulan yang sama mendapati pelaksanaan projek Pulau Silicon itu adalah selari dan

mengikut syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) termasuk pemantauan langkah mitigasi yang dicadangkan.

"Sesi libat urus yang diadakan pegawai informasi PPSN bersama beberapa nelayan setempat juga mendapati bahawa fenomena semula jadi seperti

air pasang besar dan angin monsun akan menyebabkan gangguan pada kawasan dasar laut berlumpur.

"Keadaan semula jadi kawasan pesisiran pantai Pulau Pinang Selatan adalah kawasan dataran lumpur dan ia turut disahkan semasa penyediaan laporan EIA.

"Tambahan pula, tiada

aktiviti pengorekan yang dijalankan di kawasan sekitarnya yang boleh menyumbang kepada kejadian selut itu," katanya.

Menurut Farizan, pemantauan garis pantai dijalankan secara berkala sejak Jun 2023 dan diteruskan setiap tiga bulan termasuk pada Mac, Jun dan Oktober tahun ini.

Laporan sudah dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan analisis mendapati tiada perubahan ketara pada dasar laut selepas perbandingan dibuat antara tinjauan awal dan pemantauan seterusnya.

"Kajian penyiasatan tanah di pesisir laut antara tahun 2014 hingga 2016 juga menunjukkan keputusan yang konsisten iaitu terdapat lapisan tanah liat lembut yang tebal di bawah dasar laut.

"Pemantauan kualiti air dijalankan secara berkala oleh pihak kontraktor khususya bagi parameter jumlah Pepejal Terampai (TSS) dan Kekeruhan (NTU) untuk memastikan keberkesanan tirai kelodak yang dipasang.

"Pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala terhadap komponen Amalan Pengurusan Terbaik (BMPs) seperti tirai kelodak dan tilam pasir (sand mattress) adalah bagi memastikan ia berfungsi dengan baik sepanjang pelaksanaan projek," katanya.



Ekonomi

Agrobank salur sumbangan lebih RM1 juta kepada program peningkatan hidup asnaf



Wartawan Suara Merdeka • 21 October 2024 17 1 minute read

PADANG BESAR 21 Okt. – Agrobank sumbangkan dana kewangan sosial Islam melalui Program Hijrah Asnaf Tanaman Kelapa bernilai RM1,077,100 di Hutan Simpan Mata Ayer Felcra Lubuk Sireh, Padang Besar melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) serta komuniti setempat Felcra Lubuk Sireh.

Upacara perasmian disempurnakan oleh Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Keberangkatan tiba Baginda disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Datuk Ahmad Badlishah Raja Hussin dan Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi.

Turut hadir sama ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAIPs, Haji Mohd Nazim Mohd Noor.

Tuanku Raja Muda menitahkan bahawa usaha berterusan dalam memperkasakan golongan asnaf kini bukan hanya dengan bantuan material tetapi juga dengan peluang untuk golongan ini membina masa depan yang lebih cerah melalui aktiviti peningkatan ekonomi dan keusahawanan.

Related Articles



**Raja Muda Perlis
berkongsi tips
dengan bakal
calon SPm**

🕒 22 October 2024



**BRIEF-i lulus
RM33.17 Juta
dalam tempoh
empat bulan**

🕒 21 October 2024

Menurut Baginda, program seumpama ini merupakan salah satu contoh yang baik bagaimana institusi-institusi korporat seperti Agrobank dan masyarakat

dapat berganding bahu dalam memajukan agenda kebajikan dan pembangunan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar.


Tuan Syed Faizuddin Putra percaya dengan pengalaman dan infrastruktur yang Agrobank ada, mereka akan dapat melaksanakan program ini dengan jayanya..

Baginda yang juga merangkap Yang DiPertua MAIPs turut berkenan menyempurnakan penanaman sepokok kelapa dan menyaksikan simbolik sumbangan dana Zakat dari Agrobank kepada salah seorang wakil daripada 10 orang penerima asnaf yang terpilih serta menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada Agrobank kerana berjaya menguruskan pengagihan zakat secara inovatif melalui pelaksanaan program-program pembangunan usahawan secara berstruktur dan berimpak tinggi.

Terdahulu, turut dilaksanakan agihan bantuan MAIPs Peduli berjumlah RM114,100 kepada 163 keluarga asnaf dari Kariah Felcra Lubuk Sireh dan Kg Cantik dengan tambahan Sumbangan Bakul Makanan oleh Agrobank kepada semua penerima serta RM1,000 dari masjid tersebut juga dari Agrobank.

Tuan Yang DiPertua MAIPs itu turut berkenan menyempurnakan sumbangan MAIPs kepada Samsiah Mat Akib, 92 tahun dari Kampung Lubuk Sireh, Che Ngah Ahmad, 84 tahun dan Mustaffa L. Abdullah juga dari kampung yang sama merupakan asnaf terpilih pada kali ini yang menerima sumbangan wang tunai RM700, Kits MAIPs Peduli dan beras fidyah.

Baginda turut berkenan untuk menyampaikan sumbangan wang tunai daripada MAIPs kepada 80 orang anak Kariah Felcra Lubuk Sireh dan 80 orang lagi anak kariah Kampung cantik bagi menampung keperluan harian golongan yang kurang bernasib baik ini.





Pesawah tertekan, mohon naikkan harga siling padi

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

KANGAR: Kenaikan harga siling belian padi dari RM1,300 kepada RM1,600 antara yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengelak pengilangan terus bermain harga sehingga membahayakan nam nesawah.

Hal demikian kerana permintaan terus tertekan dengan permintaan harga oleh pengilang yang secara mendadak menurun harga belian padi tersebut daripada RM1,800 sebelum ini kepada RM1,400 dengan dijangka akan mengalami penurunan lagi sehingga paras siling RM1,300.

Kemajuan harga suling tersebut juga penting di sebalik pesawat terpaksa menanggung bebas kenalkan kos jentera dan input pertanian sehingga ada dalam kalangan petani mengalami kerugian jika mendapat hasil sekitar satu tan metrik bagi keluasan seretung.

kerangka *
Ragunampanu.
muskan seretung.
tersebut tidak ada ditemui dalam
Belanjawan 2025, Jumaat lalu.

Seorang pesawah, Che Fariz
Izari Che Ya, 36, berkata, pada
masa ini, kenaikan harga siling
bermakna yang perlu diberi
perhatian bagi memberi sedikit
kelegaan kepada pesawah.

Katanya, RM1,600 jika berlaku
kenaikan siling RM600 jika berlaku
penurunan oleh pihak kilang se-
hingga puras siling sekali pun ia
masih pada tahap yang boleh
diterima.

Soalnya, permainan harga oleh pihak kilang telah membuatkan pesawah yang sebelum ini mereka boleh saja menawarkan harga belian pada kadar RM1,800 per tan.

KANGAR: Kerajaan diharap dapat mengawal harga peralatan nelayan yang dibimbangi berlaku kenaikan retentan penggunaan penyasaran subsidi petrol bermula pertengahan tahun depan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Perlis, Asri Jab berkata, golongan nelayan menyumbang baik intipati Belanjawan 2025 baru-baru ini namun pengumuman penyasaran petrol itu dibimbangi mendorong kepada

da kenaikan harga peralatan bagi menangkan iklan.

Katanya, sekiranya harga petrol tidak dikawal dan berlaku kenaikan, perkembangan itu akan mempengaruhi harga pasaran minyak.

"Disebabkan itu kami para nelayan mengutrapkan agar harga peralatan menangkap ikan seperti pukat, enjin dan lain-lain dapat dikawal dengan sebaiknya bagi mengelakkan kenaikan," katanya.

kepada Utusan Malaysia di sini, semalam.

Menurut Belanjawan 2025, kerajaan bercadang melaksana penyesuaian subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun hadapan. Kerajaan juga memperuntuk- kan sejumlah RM2.78 bilion seba- gai subsidi, bantuan dan insentif untuk pesawat dan nelayan iaitu meningkat berbanding RM2.6 bil- ion tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim berkata, kadar siling bantuan bina baharu atau

Katanya, bantuan diesel juga ditekankan untuk nelayan dalam memenuhi keperluan sehari-hari. "Kita akan memberi subsidi kepada nelayan yang memberi sumbangan besar kepada agenda ketenteraman makanan. Sementara itu, seorang ne-

layan, Zekri Ali, 49, berkata, inisiatif kerataan mengekalkan

"Pemberian subsidi ini semanginya perlu dilekalkan kerana harga peralatan mengatap ikan juga semakin meningkat malah hasil tangkapan kami juga tidak menentu," katanya.



CHE Fariz Izzati Che Ya (kiri) memerilka traktor yang digunakan untuk kerja-kerja sawah di Kampung Semadong, Berseri, Padang Besar, Perlis semalam. UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

"Kena naik harga siling mandangkan sekarang kos jentera semua meningkat. Kos RM1,800 per tan metrik. Tindakan kilang bermain barangan kilang besarnya mempunyai kilang khususya kilang besar yang mempunyai pemborong sendiri.

traktor untuk dua kali putaran contohnya telah meningkat daripada RM200 kepada RM300. Begitu juga kos mesin padi meningkat daripada RM150 kepada RM200 bagi kelulusan serentak.

[illegible]

Nelayan harap kerajaan kawal harga peralatan, pengaruhi harga pasaran ikan

layan, Zekri Ali, 49, berkata, inisiatif kerataan mengekalkan

"Pemberian subsidi ini semanginya perlu dilekalkan kerana harga peralatan mengatap ikan juga semakin meningkat malah hasil tangkapan kami juga tidak menentu," katanya.

layan, Zekri Ali, 49, berkata, inisiatif kerataan mengekalkan

"Pemberian subsidi ini semanginya perlu dilekalkan kerana harga peralatan mengatap ikan juga semakin meningkat malah hasil tangkapan kami juga tidak menentu," katanya.

layan, Zekri Ali, 49, berkata, inisiatif kerataan mengekalkan

"Pemberian subsidi ini semanginya perlu dilekalkan kerana harga peralatan mengatap ikan juga semakin meningkat malah hasil tangkapan kami juga tidak menentu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	HARIAN METRO	WANITA METRO	36

WN

WANITA METRO

Nur Asyiqin buktikan bidang pertanian masih relevan untuk orang muda dengan penggunaan teknologi

BEREVOLUSI DUNIA TANI

FOTO: AZHAZMEE DAN IHSAN NUR ASYIQIN RAMLI

FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Besar impian gadis ini apabila mahu mengubah persepsi beliau terhadap bidang pertanian.

Beliau mahu melihat bidang pertanian adalah sesuatu didambakan golongan belia menerusi penggunaan teknologi dan inovasi terkini.

Pengasas Puteto Edu Tour & Agrotourism, Nur Asyiqin Ramli ini juga mahu kerjaya dalam bidang pertanian tidak semestinya perlu berpanas di bawah matahari terik dan 'mengotorkan' tangan.

"Saya melihat masa depan industri pertanian boleh berkembang dengan penggunaan teknologi seperti penggunaan internet pelbagai benda (IoT) dalam sektor pertanian.

"Senario itu juga mampu mengubah persepsi orang muda terhadap kerjaya dalam bidang pertanian turut dapat dilakukan tanpa perlu berpanas terik dan 'bermain' dengan tanah.

"Seperti bidang lain, pertanian juga sudah berevolusi menerusi kehadiran teknologi yang memudahkan urusan usahawan tani.

"Perubahan ini dapat

NUR Asyiqin akui teknologi boleh membantu komuniti dan usahawan menjana hasil lebih baik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2024	HARIAN METRO	WANITA METRO	37



NUR Asyiqin giat berkongsi kepakaran dengan komuniti.

Kalau orang muda atau rakyat tempatan menguasai bidang pertanian, kitaran industri itu bertambah baik dan petani tempatan dapat menjana pendapatan lebih baik

NUR ASYIQIN

memangkin usaha usahawan tani yang tidak hanya mengeluarkan produk pertanian berkualiti dalam memastikan keterjaminan makanan semata-mata.

"Aspek lain ialah dengan perubahan trend pertanian semakin moden dapat memperkasakan pembabitin bella dalam industri pertanian," katanya.

Kata Nur Asyiqin, dia mengakui bidang pertanian masih kurang menjadi pilihan golongan muda sebagai pilihan kerjaya masa depan.

"Ramai antara rakari saya yang menyambung pengajian dalam bidang pertanian skeptikal untuk membina kerjaya dalam industri itu.

"Dianggarkan hanya 30 hingga 40 peratus masih meneruskan 'pejuangan' dalam industri pertanian negara.

"Golongan muda mahu kerjaya dalam bangunan berhawa dingin dan hujung bulan ada pendapatan.

"Itu jarang sekali ditemui bagi mereka yang menceburi bidang pertanian," katanya.

Menurut Nur Asyiqin, perlu ada kesedaran dalam kalangan orang muda supaya dapat menguasai industri pertanian yang kini semakin dikuasai orang luar.

"Orang muda perlu ada kesedaran dalam menguasai industri pertanian kerana itu keperluan penting dalam kehidupan masyarakat.

"Kalau orang muda atau rakyat tempatan menguasai bidang pertanian, kitaran industri itu bertambah baik dan petani tempatan dapat menjana pendapatan lebih baik," katanya.

Atas faktor itu, wanita

berusia 30 tahun ini turut giat berkongsi pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan kelangsungan industri pertanian tempatan dikuasai orang tempatan.

"Pada awalnya impian saya hanya setakat mengusahakan ladang, mengeluarkan hasil dan menjana pendapatan.

"Tetapi, dalam 'perjalanan' itu, saya mendapati ada isu lebih penting iaitu untuk berkolaborasi dengan pengusaha pertanian tempatan baik petani, pesawah atau peladang bagi meningkatkan kemahiran dan penguasaan mereka dalam teknologi tanaman.

"Apabila golongan ini dapat digerakkan untuk lebih menguasai inovasi dan teknologi terkini, mereka bukan hanya dapat meningkatkan pengeluaran hasil tanaman, malah menjana pendapatan lebih baik.

"Ini dapat membina reputasi baik terutama kepada pelapis atau generasi bella mengenai keseronokan dalam bidang pertanian," katanya.

Memfaatkan teknologi seperti IoT dan teknologi dron serta inovasi pertanian, aquaponik atau hidroponik membuktikan bidang kerjaya ini masih relevan untuk golongan muda.

"Saya sendiri mula memilih haluan kerjaya dalam bidang pertanian kerana tertarik sebaik menonton satu program televisyen berkaitan teknologi pertanian.

"Ketika itu juga saya baru selesai program matrikulasi sains tulin pada 2011 dan memutuskan untuk menyambung pengajian dalam bidang hortikultur atau pertanian



PENGUNAAN dron antara kaedah mengangkat industri pertanian diminati golongan muda.

sebaik menonton program Agrotek.

"Saya jatuh minat kerana pertanian bidang yang membabitkan praktikal atau 'hands on' dan teknologi digunakan dengan betul dapat mengeluarkan hasil yang dapat dilihat dan dipegang.

"Ia jauh lebih memuaskan hati saya ketika itu berbanding penyertaan dalam bidang lain dalam kilang atau di pejabat.

"Pendek kata saya suka bidang pertanian kerana ia membabitkan sesuatu yang sangat praktikal dan lebih menarik menerusi penggunaan teknologi serta inovasi," katanya.

Tambah Nur Asyiqin, meskipun pada awalnya ramai mempertikaikan pilihan untuk dia terutama seorang wanita untuk menyertai bidang pertanian adalah pilihan tidak sesuai, dia berjaya membuktikan sebaliknya.

"Satu lagi pandangan negatif apabila saya mahu

berada dalam bidang pertanian ialah majoriti penggiat industri ini didominasi oleh lelaki.

"Maklumlah kerja bertani memerlukan kudrat dan tenaga, tetapi untuk zaman sekarang sudah ada teknologi seperti dron dan jentera membantu mengatasi halangan itu.

"Malah dalam pertanian moden, konsep pertanian masa kini jauh lebih ke hadapan yang mana penggunaan rumah hijau dan kaedah seperti fertigasi serta hidroponik meminimumkan penggunaan tenaga.

"Saya tidak lihat lagi halangan wanita dan bella kerana sudah ada opsyen dapat membantu mereka mengatasi cabaran sukar dalam menguruskan ladang," katanya.

Bellau turut menzahirkan hasrat dapat memperkasakan masyarakat dengan teknologi terkini.

"Saya sendiri sentiasa berusaha menaik taraf kemahiran dan pengetahuan dengan menghadiri kursus dan program membabitkan teknologi dan inovasi dalam pertanian.

"Saya sedang mencuri peluang termasuk mengikuti program luar dan antara negara yang saya ingin kunjungi bagi mencapai matlamat itu ialah Qatar dan Jepun.

"Kedua-duanya contoh terbaik yang kita ketahui Jepun antara negara termaju dalam inovasi teknologi.

"Manakala Qatar ada kilang khas bukan menghasilkan produk industri sebaliknya bagi projek pertanian untuk kelangsungan rakyatnya," katanya.



KELUARGA menyokong usaha Nur Asyiqin.